

**PENTERJEMAHAN PETIKAN LANGSUNG DAN  
PETIKAN TAK LANGSUNG DALAM BERITA  
BERNAMA: SATU ANALISIS BERITA RENCANA**

**ANIS SHAHIRAH BINTI ABDUL SUKUR**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2011**

**PENTERJEMAHAN PETIKAN LANGSUNG DAN  
PETIKAN TAK LANGSUNG DALAM BERITA  
BERNAMA: SATU ANALISIS BERITA RENCANA**

**oleh**

**ANIS SHAHIRAH BINTI ABDUL SUKUR**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**Oktober 2011**

## **PENGHARGAAN**

Jutaan syukur ke hadrat Ilahi kerana akhirnya tesis ini berjaya disiapkan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada mak, Che Su Sahid dan abah, Abdul Sukur Adam yang sentiasa menyokong usaha dan memberikan galakan untuk menyiapkan tesis ini. Kajian ini juga tidak akan berjaya disiapkan tanpa bantuan penyelia yang banyak membantu. Terima kasih diucapkan kepada Dr. Rokiah Awang dan Prof. Madya Hasuria Che Omar. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah bidang Terjemahan dan Interpretasi yang turut berkongsi maklumat dan pandangan berkaitan kajian tesis ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada staf pusat pengajian Ilmu Kemanusiaan yang banyak memberikan bantuan sepanjang menyiapkan tesis ini. Sekalung penghargaan kepada warga Penerbit USM, terutama sekali Puan Zaibedah, Kak Alimie, Kak Afzan, Kak Intan, Kak Ana dan lain-lain yang banyak berkongsi pengalaman dan memberikan dorongan dalam usaha menyiapkan tesis ini. Terakhir sekali, terima kasih buat teman-teman Zaharah, Chew Ngan, Kak Nurul dan Fiza yang sentiasa memberikan sokongan dan juga pada semua pihak yang membantu dalam menghasilkan tesis ini.

## JADUAL KANDUNGAN

|   | <b>Muka Surat</b> |
|---|-------------------|
| Penghargaan   | ii                |
| Jadual Kandungan  | iii-viii          |
| Senarai Jadual  | ix                |
| Senarai Rajah   | x                 |
| Senarai Kependekan  | xi                |
| Abstrak   | xii - xiii        |
| Abstract  | xiv               |
| <br>  |                   |
| <b>BAB 1 PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG</b>                  |                   |
| 1.1 Pengenalan: Terjemahan dalam Berita                     | 1                 |
| 1.1.1 Akhbar  | 1 - 3             |
| 1.1.2 Radio   | 3 - 4             |
| 1.1.3 Televisyen  | 4 - 6             |
| 1.1.4 Akhbar dalam Talian                                   | 6 - 8             |
| 1.2 Berita  | 10                |
| 1.2.1 Takrif Berita   | 10 - 12           |
| 1.2.2 Nilai Berita  | 12 - 14           |
| 1.2.3 Jenis-jenis Berita                                    | 14 - 15           |
| 1.3 Berita Rencana  | 15 - 16           |
| 1.3.1 Jenis-jenis Rencana                                   | 16 - 18           |
| 1.3.2 Sifat Rencana   | 19                |
| 1.3.2.1 Kreatif   | 19 - 20           |
| 1.3.2.2 Subjektif   | 20                |
| 1.3.2.3 Maklumat  | 21                |
| 1.3.2.4 Tidak Basi  | 21 - 22           |
| 1.3.2.5 Hiburan   | 22                |
| 1.4 Agensi Berita   | 23                |
| 1.4.1 Sejarah BERNAMA                                       | 24 - 25           |
| 1.4.2 Terjemahan dalam BERNAMA                              | 25 - 27           |
| 1.5 Petikan dalam Berita                                    | 27 - 29           |
| 1.5.1 Isu-isu Berkaitan Penulisan dan Penterjemahan Petikan | 29 - 31           |
| 1.6 Pernyataan Masalah                                      | 31 - 34           |

|      |                    |         |
|------|--------------------|---------|
| 1.7  | Tujuan Kajian      | 34      |
| 1.8  | Persoalan Kajian   | 34      |
| 1.9  | Kerangka Teori     | 35      |
| 1.10 | Metodologi Kajian  | 35 - 36 |
| 1.11 | Batasan Kajian     | 36 - 37 |
| 1.12 | Kepentingan Kajian | 37 - 38 |
| 1.13 | Organisasi Kajian  | 38      |

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

|         |   |         |
|---------|---|---------|
| 2.1     | Petikan dalam Berita                              | 39 - 40 |
| 2.1.1   | Istilah Petikan                                   | 40 - 42 |
| 2.1.2   | Penulisan Petikan dalam Proses Penghasilan Berita | 43      |
| 2.1.2.1 | Peringkat Pertama                                 | 43 - 44 |
| 2.1.2.2 | Peringkat Kedua                                   | 44 - 45 |
| 2.1.3   | Susunan Petikan                                   | 45 - 46 |
| 2.1.3.1 | Petikan Langsung                                  | 46 - 48 |
| 2.1.3.2 | Petikan Tak Langsung                              | 48 - 49 |
| 2.1.4   | Memetik Perkataan Tertentu/ Petikan Separuh       | 49 - 51 |
| 2.1.5   | Fungsi dan Peranan Petikan                        | 51 - 54 |
| 2.1.6   | Panduan Penulisan Petikan dalam Berita            | 54 - 56 |
| 2.1.6.1 | Petikan Grafik                                    | 56 - 57 |
| 2.1.6.2 | Petikan Pendahulu                                 | 57 - 58 |
| 2.1.6.3 | Petikan Pendahuluan                               | 58      |
| 2.1.6.4 | Petikan Penamat                                   | 59      |
| 2.2     | Terjemahan dan Petikan                            | 59 - 61 |
| 2.2.1   | Terjemahan, Berita dalam Talian dan Petikan       | 61 - 64 |
| 2.2.2   | Terjemahan, Makna dan Petikan                     | 64 - 65 |
| 2.2.3   | Terjemahan, Budaya dan Petikan                    | 65 - 67 |
| 2.2.4   | Pendekatan Terjemahan Petikan                     | 67 - 71 |
| 2.2.5   | Terjemahan Literal                                | 72 - 74 |
| 2.2.6   | Prosedur Terjemahan Petikan                       | 74 - 75 |
| 2.2.6.1 | Peminjaman  | 75      |
| 2.2.6.2 | Naturalisasi                                      | 75 - 76 |
| 2.2.6.3 | Padanan Budaya                                    | 76      |
| 2.2.6.4 | Parafrasa   | 76      |

|         |   |           |
|---------|---|-----------|
| 2.2.6.5 | Penambahan                                    | 76        |
| 2.2.6.6 | Pengguguran                                   | 77        |
| 2.2.7   | Masalah dan Kekangan dalam Terjemahan Petikan | 77        |
| 2.2.7.1 | Bahasa  | 77 - 79   |
| 2.2.7.2 | Penggunaan Dialek/ Kesalahan Bahasa           | 79 - 80   |
| 2.2.7.3 | Faktor Manusia                                | 80 - 84   |
| 2.2.7.4 | Penapisan                                     | 84 - 86   |
| 2.2.7.5 | Hiburan                                       | 86 - 87   |
| 2.3     | Isu-isu dalam Terjemahan Petikan              | 87        |
| 2.3.1   | Atribusi                                      | 87 - 90   |
| 2.3.2   | Bahasa  | 91        |
| 2.3.2.1 | Cakap Ajuk dan Cakap Pindah                   | 91 - 94   |
| 2.3.2.2 | Direct Speech dan Indirect Speech             | 94        |
| 2.3.3   | Konsep Kala                                   | 94 - 97   |
| 2.3.4   | Kata Ganti Nama                               | 97 - 99   |
| 2.3.5   | Gelaran                                       | 99 - 103  |
| 2.3.6   | Analisis Kesalahan                            | 103 - 105 |
| 2.3.7   | Kategori Analisis Kesalahan                   | 105 - 108 |
| 2.4     | Rumusan                                       | 110       |

### **BAB 3 KERANGKA TEORI**

|         |  |           |
|---------|--|-----------|
| 3.1     | Petikan Langsung dan Petikan Tak Langsung oleh Stovall | 111 - 112 |
| 3.1.1   | Petikan Langsung                                       | 112 - 113 |
| 3.1.2   | Petikan Tak Langsung                                   | 113 - 115 |
| 3.2     | Pendekatan Terjemahan Literal oleh Nord                | 115 - 117 |
| 3.3     | Kategori Analisis Kesalahan oleh Kussmaul              | 117       |
| 3.3.1   | Kepadaan Budaya  | 117 - 119 |
| 3.3.1.1 | Ekologi  | 119       |
| 3.3.1.2 | Budaya Nyata   | 120       |
| 3.3.1.3 | Budaya Sosial  | 120       |
| 3.3.1.4 | Organisasi, Adat dan Idea                              | 121       |
| 3.3.1.5 | Tabiat dan Tingkah Laku                                | 121 - 122 |
| 3.3.2   | Kepadaan Situasi                                       | 122 - 125 |
| 3.3.3   | Lakuan Bahasa  | 125 - 127 |
| 3.3.4   | Makna Perkataan  | 127 - 128 |

|       |   |           |
|-------|---|-----------|
| 3.3.5 | Kesalahan Bahasa                        | 128 - 130 |
| 3.4   | Korpus Kajian                           | 130       |
| 3.4.1 | Bilangan Teks Berita                    | 130       |
| 3.4.2 | Prosedur Pengumpulan Data               | 130 - 131 |
| 3.4.3 | Pemilihan Jenis Berita                  | 131 - 132 |
| 3.5   | Peringkat-peringkat Analisis Kajian     | 132       |
| 3.5.1 | Peringkat Pertama: Analisis Petikan     | 132 - 133 |
| 3.5.2 | Peringkat Kedua: Analisis Penterjemahan | 133       |
| 3.5.3 | Peringkat Ketiga: Analisis Kesalahan    | 133-139   |
| 3.6   | Rumusan                                 | 139       |

#### **BAB 4 ANALISIS PENTERJEMAHAN PETIKAN**

|         |   |           |
|---------|---|-----------|
| 4.1     | Analisis Petikan  | 140       |
| 4.1.1   | Susunan Petikan   | 140       |
| 4.1.1.1 | Petikan Langsung  | 140 - 142 |
| 4.1.1.2 | Petikan Tak Langsung  | 142 - 144 |
| 4.1.2   | Penulisan Petikan   | 144 - 145 |
| 4.2     | Bilangan Petikan  | 146 - 150 |
| 4.2.1   | Faktor Pemilihan Petikan Langsung dalam Berita Rencana                    | 150 - 151 |
| 4.3     | Bentuk Petikan  | 151       |
| 4.3.1   | Perbezaan Bilangan Petikan Langsung dan Petikan Tak Langsung              | 151 - 152 |
| 4.3.2   | Perbezaan Bentuk Petikan Langsung dan Petikan Tak Langsung                | 152 - 153 |
| 4.4     | Pendekatan dan Prosedur Penterjemahan Petikan                             | 154 - 181 |
| 4.5     | Penterjemahan Konsep Kala, Kata Ganti Nama dan Gelaran                    | 181       |
| 4.5.1   | Konsep Kala dalam Petikan Berita Rencana                                  | 181 - 186 |
| 4.5.2   | Kata Ganti Nama dalam Petikan Berita Rencana                              | 186 - 193 |
| 4.5.3   | Gelaran dalam Petikan Berita Rencana                                      | 193 - 197 |
| 4.6     | Tahap-tahap Terjemahan Literal dalam Penterjemahan Petikan Berita Rencana | 197 - 200 |
| 4.6.1   | Faktor Terjemahan Literal Tidak Diaplikasikan                             | 200 - 202 |
| 4.7     | Rumusan   | 203 - 204 |

## **BAB 5 ANALISIS KESALAHAN DALAM PENTERJEMAHAN PETIKAN**

|         |                                  |           |
|---------|----------------------------------|-----------|
| 5.1     | Pengenalan                       | 205 - 206 |
| 5.2     | Lima Kategori Analisis Kesalahan | 206       |
| 5.2.1   | Kepadaan Budaya                  | 206 - 208 |
| 5.2.2   | Kepadaan Situasi                 | 208       |
| 5.2.2.1 | Asal Usul Geografi               | 208 - 212 |
| 5.2.2.2 | Kelas Sosial                     | 212 - 215 |
| 5.2.2.3 | Masa                             | 215       |
| 5.2.2.4 | Medium                           | 215 - 218 |
| 5.2.2.5 | Penyertaan                       | 218 - 220 |
| 5.2.2.6 | Peranan Perhubungan Sosial       | 220 - 223 |
| 5.2.2.7 | Sikap Sosial                     | 223 - 224 |
| 5.2.2.8 | Bidang                           | 224 - 226 |
| 5.2.3   | Lakuan Bahasa                    | 226 - 232 |
| 5.2.4   | Makna Perkataan                  | 232 - 239 |
| 5.2.5   | Kesalahan Bahasa                 | 239 - 245 |
| 5.2.6   | Rumusan Analisis Kesalahan       | 245 - 247 |
| 5.3     | Rumusan                          | 247       |

## **BAB 6 KESIMPULAN**

|       |   |           |
|-------|---|-----------|
| 6.1   | Pengenalan  | 248       |
| 6.2   | Persoalan Kajian 1: Sejauhmanakah petikan langsung digunakan dalam terjemahan berita rencana berbanding petikan tak langsung?     | 248 - 249 |
| 6.2.1 | Perbezaan Bilangan Petikan Langsung dan Petikan Tak Langsung  | 250       |
| 6.3   | Persoalan Kajian 2: Sejauhmanakah kaedah terjemahan literal digunakan dalam terjemahan petikan langsung dan petikan tak langsung? | 250 - 253 |
| 6.4   | Persoalan Kajian 3: Apakah jenis kesalahan yang sering berlaku dalam terjemahan petikan langsung dan petikan tak langsung?        | 253 - 257 |
| 6.5   | Penilaian Kerangka Teori  | 257       |
| 6.5.1 | Stovall (2005)  | 257 - 258 |
| 6.5.2 | Nord (1997)   | 258 - 259 |
| 6.5.3 | Kussmaul (1995), House (1981), Newmark (1988) dan Austin (1998)   | 259 - 260 |
| 6.6   | Rumusan bagi Berita, Petikan dan Terjemahan   | 260 - 261 |



|             |  |           |
|-------------|--|-----------|
| 6.7         | Carta Alir Kajian Penterjemahan Petikan dalam Berita Rencana | 261 - 262 |
| 6.8         | Sumbangan Kajian   | 263 - 264 |
| 6.9         | Cadangan   | 264       |
| 6.9.1       | Cadangan untuk Memperbaiki Terjemahan Petikan                | 264 - 266 |
| 6.9.2       | Cadangan Kajian Masa Hadapan                                 | 267 - 268 |
| BIBLIOGRAFI |  | 269 - 274 |
| GLOSARI     |  | 275 - 276 |
| LAMPIRAN    |  | 277       |

## SENARAI JADUAL

|             |  | <b>Muka Surat</b> |
|-------------|--|-------------------|
| Jadual 1.1  | Penterjemahan dalam Bidang Media                             | 9                 |
| Jadual 1.2  | Perbezaan dan Persamaan antara Berita dan Rencana            | 22                |
| Jadual 2.1  | Istilah dan Pembahagian Jenis Petikan                        | 42 - 43           |
| Jadual 2.2  | Ringkasan Pendekatan Terjemahan Petikan                      | 71                |
| Jadual 2.3  | Senarai Kata Kerja Atribusi                                  | 90 - 91           |
| Jadual 2.4  | Cakap Ajuk dan Cakap Pindah                                  | 92                |
| Jadual 2.5  | Jenis-jenis Gelaran  | 100 - 101         |
| Jadual 2.6  | Kategori Kesalahan Berdasarkan Pandangan Beberapa Sarjana    | 109               |
| Jadual 4.1  | Bilangan Petikan dalam 22 Tajuk Rencana                      | 146               |
| Jadual 4.2  | Perbezaan Bilangan Petikan                                   | 147               |
| Jadual 4.3  | Perbezaan Bilangan Petikan Langsung dan Petikan Tak Langsung | 152               |
| Jadual 4.4  | Perubahan Bentuk Petikan                                     | 153               |
| Jadual 4.5  | Konsep Kala dan Waktu  | 183               |
| Jadual 4.6  | Kata Ganti Nama dalam Petikan                                | 187               |
| Jadual 4.7  | Maklumat Penutur dalam Petikan                               | 188               |
| Jadual 4.8  | Bilangan Penutur dalam Berita Rencana                        | 189               |
| Jadual 4.9  | Jenis Gelaran dalam Petikan                                  | 193 - 194         |
| Jadual 4.10 | Bilangan Gelaran dalam Petikan                               | 196               |
| Jadual 4.11 | Terjemahan Gelaran dalam Petikan                             | 197               |
| Jadual 4.12 | Pendekatan Terjemahan  | 200               |
| Jadual 5.1  | Padanan Kata Kerja dalam Petikan                             | 229               |
| Jadual 5.2  | Bilangan Kata Kerja  | 229               |
| Jadual 5.3  | Kesalahan Bahasa dalam Petikan                               | 243               |
| Jadual 5.4  | Kesalahan Tanda Bacaan dalam Petikan                         | 244               |
| Jadual 5.5  | Bilangan Kesalahan dalam Terjemahan Petikan                  | 245               |

## **SENARAI RAJAH**

|           |   | <b>Muka Surat</b> |
|-----------|---|-------------------|
| Rajah 2.1 | Penulisan Petikan dalam Proses Penghasilan Berita | 45                |
| Rajah 4.1 | Tahap-tahap Terjemahan Petikan                    | 198               |

## SENARAI KEPENDEKAN

|         |  |
|---------|--|
| AFP     | Agence France-Presse   |
| ANEX    | ASEAN News Exchange/ Pertukaran Berita ASEAN                                 |
| ANN     | Asia-Pacific News Network/ Rangkaian Berita Asia Pasifik                     |
| AP      | Associated Press   |
| Atr     | Atribusi   |
| BERNAMA | Pertubuhan Berita Nasional Malaysia  |
| BI      | Bahasa Inggeris  |
| BM      | Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu   |
| BT      | Terjemahan Semula  |
| DBP     | Dewan Bahasa dan Pustaka   |
| KGN     | Kata Ganti Nama  |
| MiNT    | My international News Translated   |
| OANA    | Organization of Asia-Pacific News Agencies/<br>Pertubuhan Agensi Berita Asia |
| PL      | Petikan Langsung   |
| PS      | Petikan Separuh  |
| PTL     | Petikan Tak Langsung   |
| RTM     | Radio Televisyen Malaysia  |
| TMK     | Teknologi maklumat dan komunikasi  |
| TS      | Teks Sumber  |
| TT      | Teks Terjemahan/ Teks Sasaran  |
| UPI     | United Press-International   |

**PENTERJEMAHAN PETIKAN LANGSUNG DAN PETIKAN TAK  
LANGSUNG DALAM BERITA BERNAMA: SATU ANALISIS BERITA  
RENCANA**

**ABSTRAK**

Petikan merupakan ucapan penutur yang direkodkan atau ditulis oleh wartawan sewaktu temu bual, ucapan dan sebagainya. Terdapat dua jenis petikan iaitu petikan langsung dan petikan tak langsung. Penulisan dan penterjemahan petikan menjadi isu kontroversi apabila penutur mendakwa bahawa wartawan mengubah suai atau memberikan interpretasi yang kurang tepat pada ayat penutur. Justeru, kajian ini akan membincangkan dan menganalisis aspek penterjemahan petikan dalam berita rencana yang diterbitkan agensi berita BERNAMA. Kajian ini juga menganalisis kesalahan yang dilakukan oleh penterjemah berita rencana.

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan eklektik untuk mengkaji kaedah yang digunakan dalam penterjemahan petikan berita rencana. Pandangan Stovall (2005) berkaitan petikan dalam berita diambil kira untuk melihat corak penterjemahan petikan langsung dan petikan tak langsung. Definisi Nord (1997) mengenai kaedah terjemahan literal digunakan untuk melihat sejauh mana kaedah tersebut diaplikasikan dalam penterjemahan petikan. Kategori kesalahan yang dibincangkan oleh Kussmaul (1995) berkaitan analisis kesalahan diaplikasikan bagi mengenal pasti kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh penterjemah semasa menterjemah petikan. Selain itu, pandangan House (1981), Newmark (1988) dan Austin (1998) juga digunakan untuk menyokong analisis kesalahan ini.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penterjemah cenderung untuk menggunakan petikan langsung melebihi petikan tak langsung. Secara keseluruhan, penterjemah juga mengaplikasikan pendekatan terjemahan literal untuk menterjemahkan petikan. Selain itu, penterjemah melakukan kesalahan dalam menterjemah petikan langsung dan petikan tak langsung. Lima jenis kesalahan tersebut ialah kesalahan dalam kepadaan budaya, kesalahan dalam kepadaan situasi, kesalahan lakuan bahasa, kesalahan dari segi makna perkataan dan kesalahan bahasa.

# **THE TRANSLATION OF DIRECT AND INDIRECT QUOTATIONS IN BERNAMA NEWS: AN ANALYSIS OF FEATURE NEWS**

## **ABSTRACT**

A quotation is the transcription of what someone has said, which is recorded or written by reporters during interviews, speeches etc. There are two types of quotations, i.e. direct and indirect quotations. The usage and translations of news quotation can become controversial particularly when there are claims of misquotations or misinterpretations of the speakers' statements. This study discusses and analyses the translations of quotations in the feature news published by BERNAMA. It also analyses errors that may have occurred during translations.

The study uses an eclectic approach to investigate the strategies used in translating quotations in feature news. Stovall's (2005) view regarding news quotations is considered in analysing the translation patterns of direct and indirect quotations. Nord's definition on literal translation is used to look at the application of this procedure in the translations of quotations. Kussmaul's (1995) categories of error analysis are applied to identify errors in translating quotations. In addition, the views forwarded by House (1981), Newmark (1988) and Austin (1998) are also utilised to support the error analysis.

Findings indicate that translators tend to use direct quotations more than indirect quotations in feature news. The findings also show that literal translation is widely used in translating quotations. Translation errors can be seen in five categories, i.e. cultural adequacy, situational adequacy, speech act, meaning of word and language.

## **BAB 1**

### **Pengenalan dan Latar Belakang**

Bab ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama berkaitan penterjemahan dalam berita. Bahagian ini didahului dengan pengenalan berkaitan penterjemahan berita dalam empat saluran media iaitu akhbar, radio, televisyen dan akhbar dalam talian. Selain itu, maklumat berkaitan berita, berita rencana dan sejarah ringkas agensi berita BERNAMA selaku medium kajian turut dinyatakan. Bahagian kedua menjelaskan maklumat-maklumat tentang terjemahan petikan dalam berita, isu-isu berkaitan penulisan dan penterjemahan petikan, serta pandangan beberapa sarjana berkaitan. Bahagian ketiga pula menjelaskan latar belakang kajian. Bahagian ini menjelaskan maklumat-maklumat penting berkaitan kajian yang dijalankan iaitu tujuan kajian, persoalan kajian, kerangka teori dan sebagainya.

#### **1.1 Pengenalan: Terjemahan dalam Berita**

##### **1.1.1 Akhbar**

Ahmat (1992:81) menyatakan bahawa akhbar berbahasa Melayu di Tanah Melayu mula diterbitkan pada abad ke-19. Kandungan akhbar ini diambil daripada bahan berita akhbar Eropah. Berita yang paling kerap disiarkan pada masa tersebut ialah ketibaan atau keberangkatan kapal-kapal dagang dan penumpang, waktu pejabat pos beroperasi, pengiriman mel melalui kapal laut, senarai harga barang-barang pasar di bandar-bandar besar, serta kadar tukaran wang asing. Selain mengambil bahan berita daripada akhbar Eropah, akhbar Melayu juga diterbitkan oleh pihak-pihak yang terlibat dengan syarikat Eropah dan menggunakan teknologi dari Eropah. Secara tidak langsung, akhbar yang mula-mula diterbitkan mencontohi akhbar-akhbar bangsa Eropah. Pengaruh akhbar Eropah jelas kelihatan dalam akhbar Melayu pada



masa tersebut. Ciri-ciri, kandungan dan format akhbar Inggeris misalnya, dijadikan panduan bagi penulisan akhbar berbahasa Melayu (Ahmat, 1992:20,90).

Walaupun wujud persamaan dari segi format berita dan aspek penerbitan akhbar, terdapat perbezaan utama yang membezakan akhbar Melayu dengan akhbar Eropah. Perbezaan antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang dituturkan penduduk di Tanah Melayu mendorong ke arah proses penterjemahan dalam akhbar. Aktiviti penterjemahan dalam akhbar Melayu dibantu oleh golongan Jawi Peranakan dan Cina Peranakan yang menjadi perintis dalam penerbitan akhbar Melayu. Selain itu, dua golongan ini juga bertanggungjawab dalam menterjemahkan berita dalam akhbar asing terbitan tempatan, akhbar asing terbitan luar negara, serta akhbar berbahasa Melayu yang lain (Ahmat, 1992:90).

Akhbar juga tidak dapat dipisahkan daripada aktiviti penterjemahan disebabkan kewujudan pelbagai akhbar yang menggunakan bahasa yang berbeza-beza. Penduduk Tanah Melayu terdiri daripada kaum Cina dan India yang dibawa masuk oleh pihak British, selain daripada masyarakat Bumiputera. Kaum Cina dan India juga tidak terlepas daripada sifat ingin tahu berkaitan perkembangan yang berlaku di negara asal mereka dan juga di Tanah Melayu. Pemberontakan di negara China dapat diketahui oleh masyarakat Cina di Tanah Melayu melalui akhbar. Kejadian perbalahan dalam kalangan masyarakat Cina juga dapat diketahui oleh masyarakat Melayu melalui akhbar. Oleh itu, berita-berita tersebut perlu diterjemahkan sebelum dapat disampaikan kepada pembaca.

Amalan penterjemahan masih lagi dijalankan di syarikat akhbar dan agensi berita di Malaysia sehingga kini. Proses penterjemahan dalam akhbar selaku media pendahulu

ini telah mendorong ke arah kajian dalam bidang penterjemahan akhbar, misalnya kajian yang dilakukan oleh Rokiah (2000) dan Abdul Majeed (2002). Secara dasarnya, faktor kewujudan akhbar dalam bahasa vernakular dan kebergantungan akhbar kepada agensi berita antarabangsa untuk mendapatkan berita luar negara menjadi pendorong ke arah kelangsungan kegiatan penterjemahan dalam akhbar di Malaysia (Rokiah, 2006:110). Walau bagaimanapun, saingan bagi akhbar mula muncul dalam bentuk media elektronik seperti radio dan televisyen.

### **1.1.2 Radio**

Sulaiman & Razali (2002:15) menyatakan bahawa kewartawanan radio bermula pada sekitar tahun 1940-an. Radio merupakan media berita yang pantas melaporkan berita kerana juruhebah radio boleh mengganggu rancangan yang sedang bersiaran untuk menyiarkan laporan terkini sesuatu kejadian. Walau bagaimanapun, siaran berita di stesen radio yang bersifat audio tidak menggugat permintaan terhadap berita yang disiarkan di akhbar kerana menurut Sulaiman & Razali (2002:17), kebanyakan berita di radio tidak dilaporkan secara terperinci. Bagi siaran berita radio dengan durasi selama lima minit, liputan bagi setiap berita hanya disiarkan kurang daripada 30 saat.

De Maeseneer (1986:168) menyatakan bahawa penterjemahan berlaku dalam berita radio. Proses penterjemahan berlaku disebabkan rata-rata skrip berita luar negara ditulis dalam bahasa Inggeris. Justeru, skrip berita dalam bahasa Inggeris akan diterjemahkan dahulu sebelum disiarkan dalam berita radio yang menggunakan bahasa perantaraan selain bahasa Inggeris. Walaupun tiada jawatan khusus untuk penterjemah, pembantu editor memainkan peranan sebagai penterjemah berita radio. Pembantu editor atau penterjemah perlu menterjemah berita agensi setempat dan

antarabangsa sebelum juruhebah menyampaikan berita kepada pendengar sasaran (De Maeseneer, 1986:168).

Penterjemahan berita radio tidak sama dengan akhbar disebabkan radio melibatkan audio. Pendengar hanya mampu mendengar ucapan juruhebah tanpa melihat keseluruhan teks atau meminta juruhebah mengulang semula laporan berita (Ward, 2002:23). Justeru, penterjemah berita radio perlu mengambil kira faktor prinsip penulisan dan konvensi berita radio. De Maeseneer (1986) juga memperkatakan bahawa sewajarnya skrip berita yang diterjemah menggunakan perkataan yang mudah didengari dan difahami disebabkan skrip berita radio ditulis untuk menyampaikan mesej berita kepada pendengar sasaran.

De Maeseneer (1986) menyenaraikan dua masalah yang sering dihadapi oleh penterjemah berita radio. Pertama, masalah bagi menterjemah dari satu bahasa ke satu bahasa yang lain. Masalah ini sering dihadapi oleh penterjemah disebabkan penterjemahan bukan sahaja melibatkan faktor bahasa, malah melibatkan faktor budaya, tatabahasa, mesej dan sebagainya. Kedua, proses menulis semula atau menterjemah berita ke dalam stail radio. Seperti saluran media yang lain, radio juga mempunyai ciri-ciri dan konvensi yang tersendiri. Walau bagaimanapun, tiada kajian khusus di Malaysia yang mengkaji amalan dan proses penterjemahan dalam berita radio.

### **1.1.3 Televisyen**

Perubahan yang berlaku dalam media berita juga dipengaruhi oleh kemunculan televisyen. Pada mulanya televisyen disiarkan dalam bentuk hitam putih dan kemudiannya berwarna. Noor Bathi (2002:34) menyatakan bahawa sifat audiovisual

media televisyen dengan suara dan gambar yang bergerak menjadikannya saingan hebat kepada akhbar yang statik. Media televisyen mula berkembang selepas Perang Dunia Kedua tamat pada tahun 1945. Perkembangan televisyen juga telah mendorong juruhebah radio untuk berpindah ke stesen televisyen (Sulaiman & Razali, 2002:17).

Noor Bathi (2002:52) menyatakan bahawa penyiaran televisyen di Malaysia hanya dimulakan pada 28 Disember 1963. Siaran ini ke udara melalui saluran tunggal selama 3 jam 25 minit sahaja. Genap setahun pelancarannya iaitu pada 28 Disember 1964, penyiaran televisyen sebagai perkhidmatan tetap mula dilancarkan. Amalan penterjemahan juga dipraktikkan dalam berita televisyen, misalnya penterjemahan sari kata. Kebiasaannya sari kata diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia bagi rancangan seperti cerita import. Selain itu, terdapat rancangan televisyen tempatan yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dan sebaliknya. Kewujudan pelbagai jenis rancangan import serta faktor Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang bangsa mendorong ke arah faktor penterjemahan sari kata di Malaysia. Usaha menterjemahkan sari kata diambil sebagai alternatif bagi mengatasi masalah halangan komunikasi (Hasuria, 2006:30).

Menurut Hasuria (2006:34-35), stesen televisyen di Malaysia menyediakan jawatan yang khusus kepada penterjemah sari kata, misalnya terdapat jawatan penyari kata di RTM (TV1 dan TV2), TV3, NTV7 dan ASTRO. Penyari kata ini dikenali sebagai artis berjadual, penterjemah dan penyari kata eksekutif. Hasuria (2006:35-36) juga menambah bahawa kesemua penyari kata berkenaan perlu mempunyai kelayakan asas, iaitu sekurang-kurangnya bertaraf Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan kepujian dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Selain itu, penyari kata juga

mendapat latihan dan pendedahan dalam bidang penterjemahan. Antara latihan dan pendedahan tersebut adalah kursus penterjemahan yang dikendalikan oleh Persatuan Penterjemah Malaysia, Sijil Penyediaan Sari Kata oleh Perbadanan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan Diploma Penterjemahan anjuran Universiti Malaya/ Persatuan Penterjemah Malaysia.

Kejayaan bidang penterjemahan membolosi medium televisyen membuktikan bahawa terjemahan tidak terhad kepada penggunaan perkataan semata-mata. Faktor bukan verbal seperti nada suara dan unsur kinesik juga perlu dipertimbangkan dalam menghasilkan terjemahan sari kata televisyen. Berbanding akhbar dan radio, penterjemahan dalam berita televisyen jelas mempunyai kekangan dan kesukaran yang tersendiri kerana perlu mengambil kira faktor audio dan visual. Terdapat pelbagai kajian yang membincangkan isu penterjemahan dalam medium televisyen di Malaysia seperti Wan Amizah (1998), Hasuria (2006) dan sebagainya.

#### **1.1.4 Akhbar dalam Talian**

Gunter (2003:2) menyatakan bahawa komunikasi dalam talian bermula sejak tahun 1970-an dan mula berkembang dengan lebih pesat pada tahun 1990-an. Istilah ‘dalam talian’ atau *online* digunakan untuk menggambarkan akses kepada maklumat digital, pemerolehan dan penyebaran maklumat (Ward, 2002:9). Sejak tahun 1980-an, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam industri media massa di Malaysia mula berkembang. Pada masa tersebut, syarikat akhbar mula mengaplikasikan teknologi perkomputeran dalam kegiatan menulis dan menyunting berita. TMK mula memainkan peranan penting dalam pencarian bahan dan penyebaran berita kepada pembaca. Berbanding pendedaran akhbar dalam bentuk bercetak, syarikat-syarikat akhbar mula memperkenalkan perkhidmatan ‘akhbar

dalam talian'. Syarikat akhbar yang pertama menceburi perkhidmatan ini ialah *The Star Publications* yang memperkenalkan *Star Online* pada tahun 1995 (Noor Bathi, 2002:94).

Kewujudan akhbar dalam talian menarik minat pembaca untuk mendapatkan maklumat menerusi medium akhbar. Maklumat yang disampaikan lebih pantas dan mudah diperolehi, namun pengguna memerlukan kemudahan Internet untuk mengakses akhbar dalam talian. Akhbar dalam talian sering kali dimuat turun, dicetak dan disebar dalam kalangan masyarakat di seluruh dunia (Noor Bathi, 2002:98). Sehingga kini, akhbar dalam talian menjadi pilihan pembaca yang inginkan maklumat terkini apabila berlaku sesuatu kejadian di seluruh dunia, misalnya perkembangan operasi mencari mangsa gempa bumi yang terselamat sentiasa dikemas kini.

Seiring dengan perkembangan teknologi, syarikat akhbar menyediakan berita menerusi laman web dan juga meluaskan perkhidmatan kepada kemudahan video, arkib, iklan dalam talian dan sebagainya. Laman web akhbar dalam talian di Malaysia terdiri daripada akhbar arus perdana dan juga alternatif. Antara akhbar di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan akhbar dalam talian ialah *Utusan Malaysia*, *Berita Harian*, *Metro*, *Kosmo* dan sebagainya. Akhbar dalam talian juga tidak terhad kepada satu versi bahasa sahaja, misalnya akhbar *Utusan Malaysia* menyediakan laporan berita dalam versi bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris (Noor Bathi, 2002:98). Maka proses terjemahan berlaku dalam media baru agar pembaca akhbar dalam talian boleh mengakses berita dalam pelbagai versi bahasa.

Gambaran ringkas yang diberikan berkaitan penterjemahan dalam empat saluran media iaitu akhbar, radio, televisyen dan akhbar dalam talian jelas menunjukkan perkaitan antara amalan penterjemahan dan juga berita. Penulisan sesuatu berita dalam bahasa asing seperti bahasa Inggeris menyebabkan berita perlu diterjemahkan ke dalam bahasa pembaca sasaran. Proses penterjemahan juga perlu berlaku untuk memudahkan pembaca sasaran mengakses sesuatu berita yang tidak diperolehi dalam bahasa ibunda pembaca sasaran.

Selain itu, keperluan untuk menyebarkan peristiwa yang berlaku di seluruh dunia juga menyebabkan kegiatan penterjemahan memainkan peranan penting dalam penulisan berita. Oleh itu, selagi sesuatu berita perlu disampaikan kepada masyarakat di seluruh dunia, selagi itulah kegiatan penterjemahan terus berlaku dalam proses penulisan berita. Jadual 1.1 di muka surat 9 menunjukkan ringkasan penterjemahan berita dalam media menerusi empat saluran media iaitu akhbar, radio, televisyen dan akhbar dalam talian. Selain itu, maklumat berkaitan berita juga diperincikan pada bahagian seterusnya (Rujuk 1.2) disebabkan data kajian ialah berita. Justeru, beberapa isu-isu penting berkaitan berita akan dijelaskan.





## **1.2 Berita**

### **1.2.1 Takrif Berita**

Brown (1957:13) menyatakan bahawa pengarang berita lazimnya mengetahui bahawa tiada sesiapa pun yang membaca kesemua berita yang dilaporkan menerusi media berita. Namun, pengarang berita juga mengetahui bahawa hampir setiap orang membaca sekurang-kurangnya satu berita. Kebiasaannya, setiap peristiwa sama ada peristiwa besar yang memberi kesan kepada sejarah dunia, atau sekadar melibatkan beberapa individu berpotensi untuk dijadikan berita. Pelbagai peristiwa seperti masalah kegawatan ekonomi, kemelut politik, skandal artis dan sebagainya mendapat tempat di dada-dada akhbar. Berdasarkan pelbagai jenis peristiwa tersebut, maka sukar untuk mencari satu persamaan yang menjadikan peristiwa tersebut sesuai dijadikan berita. Selain itu, perbezaan-perbezaan tersebut juga menyebabkan usaha untuk memberikan satu takrifan yang tepat bagi berita kelihatan sukar. Perkara ini turut diperkatakan oleh Brown (1957), iaitu kita dibolehkan untuk tidak memberi takrifan berita disebabkan kepelbagaian berita. Brown (1957:3) juga menambah dengan menyatakan bahawa tiada seorang pun yang berjaya memberikan definisi berita secara tepat. Pandangan ini turut dipersetujui Sulaiman (1990:9) yang menegaskan bahawa tidak ada satu takrif tentang berita yang diterima umum.

Walau bagaimanapun, terdapat sarjana media yang mengulas berkaitan berita. Sarjana Md. Salleh (1984:27) misalnya menyatakan bahawa secara umumnya, berita merupakan maklumat, kisah atau laporan tentang sesuatu kejadian yang sudah, sedang dan akan berlaku. Selain itu, Md. Salleh (1984) juga menganggap bahawa berita berbentuk maklumat terbaru yang penting dan mungkin boleh memberi faedah kepada pembaca. Brown (1957:13) juga menyentuh berkaitan isu pembaca dengan menyatakan bahawa berita merupakan medium komunikasi yang direka untuk semua

pembaca. Justeru, berita berperanan untuk berkomunikasi atau menyampaikan sesuatu maklumat dan mempunyai khalayak pembaca yang menerima maklumat tersebut.

Sarjana seperti MacDougall (1972:12) dan Harriss *et al.* (1985:29) pula menyatakan bahawa berita merupakan laporan bagi sesuatu kejadian. Justeru, berita bukanlah kejadian itu sendiri. Pandangan bahawa berita merupakan ‘laporan kejadian dan bukannya kejadian sebenar’ juga dipersetujui Charnley (1966). Md. Salleh (1984:27) memetik pandangan Charnley (1966:6) yang menyatakan bahawa berita sebagai maklumat terbaru untuk pembaca dan masyarakat memerlukan maklumat tersebut untuk bertindak dan berfikir. Terdapat juga golongan seperti masyarakat sosialis yang melihat berita sebagai satu proses yang mempunyai tujuan yang tertentu dan bukannya sebagai satu produk. Golongan ini seperti Lenin menganggap bahawa akhbar sebagai alat untuk propaganda, menghasut serta alat berorganisasi bersama (Md. Salleh, 1984:28).

Potter (2001) pula berpendapat bahawa berita dicetuskan oleh kejadian sebenar dan berita bukanlah kejadian yang sebenar. Perkara yang dilaporkan sebagai berita juga bukanlah kejadian yang sebenar, sebaliknya laporan oleh wartawan yang dipengaruhi oleh proses dan kekangan dalam penulisan berita (Potter, 2001:86). Walau bagaimanapun, Brown (1957) menyatakan bahawa berita berkait rapat dengan apa yang dilakukan, difikirkan dan dialami manusia malahan kita juga boleh mempelajari berita melalui sifatnya. Hal ini disebabkan hampir setiap perkara boleh menjadi berita. Jadi, tugas pertama wartawan adalah untuk memilih perkara yang dianggapnya sebagai berita daripada rangkaian peristiwa tersebut. Seterusnya, tugas kedua wartawan pula adalah untuk menyampaikan berita ini kepada pembaca.

Selain itu, rata-rata sarjana media menimbulkan persoalan 5W1H yang perlu dijawab penulis berita apabila cuba mengumpulkan maklumat dan menulis berita. Persoalan seperti 'siapa', 'apa', 'bila', 'di mana', 'kenapa' dan 'bagaimana' merupakan kata kunci bagi menjawab segala persoalan (Stovall, 2005:152). Persoalan asas tersebut turut dipersetujui Rich (1997:34) yang menyatakan bahawa apabila bilangan pembaca berita semakin berkurangan, editor atau penyunting turut memerlukan jawapan bagi satu lagi persoalan iaitu 'jadi' (*so what*). Persoalan keenam ini mampu memberikan jawapan kepada persoalan-persoalan yang mungkin timbul seperti: Apakah kepentingan berita tersebut kepada pembaca? Apakah maklumat dalam berita tersebut yang perlu diberikan perhatian oleh pembaca? Persoalan keenam ini jelas menunjukkan bahawa persoalan 5W1H sahaja tidak memadai pada masa kini. Persoalan keenam ini semestinya dapat memberikan maklumat yang lebih mendalam dan kritis dalam laporan berita berbanding sekadar menyenaraikan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan persoalan 'siapa', 'apa', 'bila', 'di mana', 'kenapa' dan 'bagaimana' dalam sesuatu laporan berita.

Oleh itu, takrif berita yang dimanfaatkan bagi kajian ini ialah berita merupakan laporan atau penulisan semula kejadian yang dilaporkan oleh wartawan. Selain itu, berita juga mempunyai pembaca sasaran dan setiap laporan yang dilaporkan oleh wartawan juga dipengaruhi oleh proses dan kekangan dalam penulisan berita.

### **1.2.2 Nilai Berita**

Brown (1957:3) menyatakan bahawa sukar untuk memberikan definisi yang tepat bagi berita. Brown (1957) juga menyatakan bahawa berita itu dapat dikenali dengan melihat pada ciri atau sifatnya. Salah satu ciri penting bagi berita ialah **nilai berita**. Menurut Stovall (2005:5-8), nilai merupakan konsep-konsep yang membantu kita

untuk menentukan apa-apa yang ‘diminati’ atau ‘perlu diminati’ pembaca. Justeru, dapat dikatakan bahawa nilai-nilai berita berfungsi untuk membezakan perkara-perkara yang dianggap ‘berita’ dan ‘bukan berita’.

Rich (1997:22) menyatakan bahawa definisi bagi berita sentiasa berubah tetapi nilai-nilai berita tidak banyak berubah. Walaupun sarjana media tidak bersependapat sepenuhnya berkaitan nilai-nilai berita, terdapat beberapa persamaan dalam nilai berita yang disenaraikan. Nilai berita oleh Sulaiman (1990:9-10) ialah **pembaca, kesan, dekat, baharu, masyhur/terkenal, luar biasa dan sengketa/konflik**. Ward (2002:35) pula mementingkan faktor **relevan, penjelasan dan menarik perhatian**. Ketiga-tiga faktor ini dianggap Ward (2002) sebagai pencetus kepada anggapan bahawa sesuatu isu atau kejadian mempunyai nilai berita. Selain itu, Rich (1997:22) menekankan kepentingan **hiburan** dan **artis** dalam nilai berita. Rata-rata sarjana menyenaraikan nilai berita yang hampir sama seperti Stovall (2005). Tujuh jenis nilai berita yang dinyatakan oleh Stovall (2005:5-8) adalah seperti berikut:

- i. **Kesan**. Setiap peristiwa yang berlaku pasti memberi kesan kepada individu yang terlibat atau persekitarannya. Peristiwa tersebut mungkin hanya melibatkan beberapa individu atau masyarakat di seluruh dunia.
- ii. **Masa**. Masa merupakan nilai yang biasa bagi hampir kesemua kisah berita dan merujuk kepada peristiwa yang baru berlaku. Tanpa elemen masa, kebanyakan peristiwa tidak boleh dianggap sebagai berita. Kebanyakan peristiwa yang berlaku lebih daripada satu hingga satu setengah hari dianggap bukan berita.
- iii. **Masyhur**. Perbuatan golongan tertentu seperti bintang filem dan ahli politik boleh dijadikan bahan berita, walaupun perkara remeh dan tidak penting.

- iv. **Jarak.** Peristiwa yang berlaku berdekatan dengan kediaman pembaca sasaran lebih sesuai dijadikan berita berbanding peristiwa sama yang berlaku di tempat lain. Kebiasaannya pembaca berminat dengan perkara-perkara yang berlaku di sekeliling pembaca.
- v. **Konflik.** Apabila berlaku pergaduhan, pertentangan pendapat dan tiada persefahaman maka ia merupakan berita. Konflik merupakan salah satu daripada nilai berita yang menjadi kegemaran wartawan kerana kebiasaannya konflik menjanjikan berita yang menarik untuk ditulis.
- vi. **Peristiwa yang pelik.** Peristiwa yang jarang berlaku juga dianggap sebagai berita. Peristiwa yang pelik ini menarik minat pembaca dan menghidupkan sesebuah cerita dalam penerbitan, walaupun peristiwa tersebut hanya mempunyai sedikit kepentingan atau melibatkan orang yang tidak dikenali.
- vii. **Terkini.** Isu yang mempunyai kepentingan terkini kebiasaannya mempunyai nilai berita.

Nilai-nilai seperti yang disenaraikan sarjana Sulaiman (1990), Rich (1997), Ward (2002), Stovall (2005) dan sebagainya akan menentukan isu-isu yang dianggap sebagai berita dan sebaliknya. Perbincangan berkaitan berita sahaja tidak memadai untuk menjelaskan perkataan 'berita' disebabkan berita terdiri daripada dua jenis yang bertentangan. Justeru, jenis-jenis berita akan diperincikan.

### 1.2.3 Jenis-jenis Berita

MacDonald (2003:61) membahagikan berita kepada dua jenis yang bertentangan iaitu *soft news* (berita tahan/berita lembut) dan *hard news* (berita hangat/ berita segera). Selain itu, Rich (1997:21) juga menyatakan bahawa berita terbahagi kepada dua kategori asas iaitu **berita tahan** dan **berita hangat**.

Rich (1997:21) memperincikan bahawa berita hangat meliputi berita berkaitan peristiwa yang baru berlaku atau akan berlaku seperti kejadian jenayah, kebakaran, ucapan dan perbicaraan. Berita jenis ini mengambil kira persoalan seperti apa yang berlaku, kenapa ia berlaku dan kesannya terhadap pembaca. Kebiasaannya nilai berita terkini dipentingkan dalam penulisan berita jenis ini. Berita tahan pula ditakrifkan oleh Rich (1997) sebagai berita yang menghibur atau memberi maklumat seperti berita mengenai kehidupan seorang artis atau keberkesanan diet dalam kehidupan seharian. Berita tahan terdiri daripada cerita-cerita yang berfokus kepada individu, tempat atau isu-isu yang memberi kesan kepada pembaca. Kebiasaannya berita tahan ditulis dalam ruangan rencana.

Berdasarkan huraian berkaitan kategori asas berita, dapat dilihat bahawa berita tidak terhad kepada satu jenis berita sahaja. Medium berita seperti akhbar terdiri daripada ruangan rencana, berita dalam negara, dunia, politik, ekonomi, hiburan, sukan, agama, pendidikan, iklan dan sebagainya (Rich, 1997:21). Berita rencana merupakan sampel yang digunakan sebagai data kajian. Seterusnya, takrif dan ciri-ciri berita rencana akan dijelaskan dengan lebih terperinci.

### **1.3 Berita Rencana**

Rencana atau *feature* dalam bahasa Inggeris merupakan penulisan berita secara kreatif dalam bentuk karangan yang menarik. Williamson (1975) dalam Garrison (1999:5-6) mentakrifkan rencana sebagai artikel yang kreatif dan subjektif serta bertujuan untuk memberi maklumat dan menghiburkan pembaca. Keempat-empat perkataan dalam definisi tersebut iaitu 'kreatif', 'subjektif', 'maklumat' dan 'menghiburkan' dianggap sebagai perkara utama yang membezakan antara berita dan juga berita rencana. Friedlander & Lee (2008:2-4) juga bersetuju dengan dua

perkataan yang membentuk definisi rencana iaitu ‘maklumat’ dan ‘menghiburkan’. Friedlander & Lee (2008) menambah bahawa rencana mestilah sesuatu yang ‘asli’. Perkataan asli merujuk kepada berita rencana yang boleh mengandungi pelbagai isu yang terkandung dalam lingkup *human interest*. Istilah *human interest* juga dikenali dengan istilah minat insani dalam bahasa Malaysia (Sulaiman, 1997:229). Maka apa-apa yang mampu menarik minat manusia dianggap sebagai bahan yang akan ditulis dalam berita rencana.

Aamidor (1999:5) menyatakan bahawa rencana melibatkan pembaca dan emosi. Berita jenis ini mementingkan reaksi pembaca sama ada gembira, sedih dan sebagainya. Selain itu, rencana juga bertujuan untuk mendidik, menambahkan pengetahuan serta menimbulkan rasa keindahan untuk dihayati pembaca. Kebiasaannya rencana memaparkan sesuatu peristiwa yang telah, sedang dan akan berlaku dalam kalangan masyarakat. Walaupun rencana ditulis berdasarkan berita, kepentingan utama rencana adalah pada cara berita itu dilaporkan dan bukannya isi kandungan berita (Md. Salleh, 1984:136).

### **1.3.1 Jenis-jenis Rencana**

Friedlander & Lee (2008:5) menyatakan bahawa terdapat dua jenis berita rencana dalam laporan berita. Jenis rencana yang pertama ialah ‘*news feature*’ iaitu rencana yang terikat dengan peristiwa berita yang menggemparkan. Md. Salleh (1984:155) pula menggunakan istilah *situation feature* bagi merujuk berita rencana. Rencana jenis ini diletakkan bersama-sama dengan berita yang dianggap menggemparkan untuk membantu pembaca mendapat maklumat mendalam berkaitan isu seperti kemalangan ngeri yang berlaku secara tiba-tiba. Berita utama akan memberikan maklumat berkaitan kemalangan yang berlaku manakala berita rencana akan

menceritakan latar belakang individu yang terlibat dalam kemalangan. Rencana jenis ini juga dikenali sebagai *sidebar* iaitu artikel sampingan yang ditulis bersama-sama artikel utama. Selain itu, terdapat berita rencana yang ditulis selepas penerbitan berita hangat. Berita ini dikenali sebagai *second-day feature* dan padanan terjemahannya sebagai **berita hari kedua** atau **berita susulan**.

Friedlander & Lee (2008) menyatakan bahawa jenis rencana yang kedua ialah **berita tidak basi** atau *timeless story*. Rencana jenis ini tidak mempunyai had masa dan boleh disimpan sehingga waktu yang sesuai untuk diterbitkan. Walau bagaimanapun, wartawan perlu memastikan bahawa fakta atau maklumat yang terkandung dalam artikel rencana masih relevan sewaktu diterbitkan. Wartawan perlu sentiasa mengemas kini maklumat yang terkandung dalam artikel tersebut. Misalnya individu yang ditemu bual berkaitan pekerjaannya sebagai peguam mungkin telah berhenti kerja atau menukar kerjayanya sewaktu teks berita rencana diterbitkan. Justeru, pandangan atau komen yang dikemukakannya mungkin tidak semuanya sesuai digunakan dalam penulisan berita rencana.

Berbanding Friedlander & Lee (2008), Md. Salleh (1984:156) menyatakan bahawa jenis rencana yang kedua ialah **rencana minat insani**. Rencana jenis ini berkait rapat dengan cerita manusia biasa, perkara luar biasa, tempat menarik atau mempunyai unsur sejarah. Md. Salleh (1984) yang menggunakan padanan **cerita berhias** bagi istilah *colour stories* turut mengkategorikan cerita berhias sebagai rencana minat insani. Cerita berhias merupakan berita ringan, berbentuk deskriptif dan berperanan untuk menjelaskan dan menghuraikan suasana. Ward (2002) juga mengulas berkaitan isu suasana dalam penulisan rencana. Ward (2002:53) menyatakan bahawa wartawan berita rencana cenderung untuk menemu bual penutur



di kediaman atau tempat kerja penutur disebabkan suasana atau persekitaran penutur boleh memberikan lebih banyak maklumat berkaitan perwatakan penutur.

Md. Salleh (1984:157-159) menambah jenis rencana yang ketiga iaitu **rencana profil peribadi**. Profil ialah sejenis berita atau rencana yang ditulis secara mendalam tentang seseorang berhubung dengan peribadinya. Wartawan akan memasukkan maklumat seperti raut wajah, pakaian, nada suara, peribadi, bentuk fizikal dan sebagainya bagi menggambarkan profil individu yang berkenaan. Ward (2002:53) juga menyatakan bahawa penulis berita rencana cenderung untuk meneroka sifat penutur. Justeru, selain menulis rencana berkaitan apa-apa yang diucapkan penutur, wartawan berita rencana juga melihat perwatakan penutur.

Takrif rencana yang dimanfaatkan bagi kajian ini adalah takrif rencana menurut Md. Salleh (1984) yang menyatakan bahawa terdapat rencana yang boleh dikategorikan sebagai rencana *human interest* atau minat insani. Md. Salleh (1984:156) mentakrifkan bahawa rencana minat insani merupakan rencana yang berkait rapat dengan cerita manusia biasa, perkara luar biasa, tempat menarik atau mempunyai unsur sejarah. Justeru, artikel rencana yang mengandungi unsur minat insani iaitu mampu menarik minat pembaca dipilih sebagai data kajian. Misalnya sampel data kajian mengandungi berita berkaitan kesihatan, keagamaan, pelancongan, perniagaan, pengangkutan, sejarah, biografi, haiwan, permainan, pemakanan dan sebagainya yang menarik minat pembaca. Selain itu, artikel rencana terbitan BERNAMA tidak dipengaruhi elemen masa atau terikat dengan peristiwa berita yang menggemparkan. Maka takrif rencana oleh Md. Salleh (1984) dipilih berdasarkan kesesuaian dengan data kajian.

### **1.3.2 Sifat Rencana**

Md. Salleh (1984) menyatakan bahawa terdapat lima sifat bagi rencana. Secara tidak langsung, kelima-lima sifat ini dapat digunakan bagi membezakan berita dan juga rencana. Kelima-lima sifat ini menyerupai empat perkataan yang ditekankan dalam definisi rencana oleh Williamson (1975) dalam Garrison (1999:5-6) iaitu 'kreatif', 'subjektif', 'maklumat' dan 'menghiburkan'. Selain itu, terdapat satu lagi sifat rencana yang ditambah oleh Md. Salleh (1984:139) iaitu 'tidak basi'. Kelima-lima sifat rencana adalah seperti berikut:

#### **1.3.2.1 Kreatif**

Md. Salleh (1984:137) menyatakan bahawa rencana ialah laporan berita yang ditulis secara kreatif. Sifat rencana yang pertama ini jelas membezakan rencana dengan berita am. Kebiasaannya ayat bagi rencana ditulis dengan lebih menarik, panjang dan berunsurkan sastera. Penulisan rencana bertentangan dengan bentuk laporan berita yang lebih ringkas dan padat. Unsur ataupun kejadian di sekeliling juga boleh dijadikan bahan penulisan dalam rencana seperti menyatakan mimik muka penutur sewaktu menjawab soalan, suasana yang sangat bising sewaktu temu bual dijalankan dan sebagainya (Aamidor, 1999:11). Misalnya:

"Jangan saja-saja datang nak mengganggu orang bujang di kampung ini," seloroh Penolong Pegawai Daerah Narathiwat, In On Ketamut, dalam Bahasa Melayu yang sama dengan loghat Kelantan kepada penulis ketika berkunjung ke kampung ini. -BERNAMA, Berita dalam Talian, 3/6/2009

Contoh menunjukkan bahawa wartawan memasukkan elemen kreatif dalam penulisan berita rencana. Maklumat penutur yang bertutur dalam bahasa Melayu yang hampir sama dengan loghat Kelantan disertakan kepada pembaca. Kebiasaannya, penulisan berita tidak memasukkan maklumat loghat yang dituturkan penutur kecuali maklumat tersebut sangat penting kepada pembaca. Selain itu,

penggunaan perkataan ‘seloroh’ memberikan maklumat kepada pembaca bahawa Penolong Pegawai Daerah Narathiwat iaitu In On Ketamut sekadar bergurau sewaktu menyatakan “Jangan saja-saja datang nak mengganggu orang bujang di kampung ini.” Penulisan petikan ini sahaja tanpa perkataan seloroh boleh membuatkan ayat tersebut kelihatan seperti ancaman atau ugutan. Justeru, wartawan berita rencana boleh memasukkan maklumat unsur sekeliling untuk pembaca.

### 1.3.2.2 Subjektif

Wartawan boleh menggunakan kata ganti nama seperti aku, penulis, saya, kami, *I*, *me*, *we* dan sebagainya sewaktu menulis berita rencana. Misalnya:

Penulis juga tertarik dengan keupayaan anak-anak penduduk di sini yang berjaya menjadikan bahan buangan daripada minyak masak atau minyak lain diproses menjadi minyak untuk motosikal penduduk. - BERNAMA, Berita dalam Talian, 3/6/2009

As for me I was particularly impressed with Macau's Grand Prix Museum. The museum highlights Macau's motorsports history and showcases car and motorcycle replicas used in several of the world series racing. - BERNAMA, Berita dalam Talian, 25/6/2009

Wartawan jarang menonjolkan diri dalam berita yang ditulisnya. Oleh sebab rencana ditulis berdasarkan pengalaman atau pemerhatian wartawan, maka wartawan bebas membuat interpretasi berkaitan tempat atau peristiwa yang dilaporkannya. Laporan yang dihasilkan bersifat subjektif kerana pendapat peribadi wartawan boleh dimasukkan dalam laporan tersebut. Misalnya wartawan menyatakan muzium di Macau sangat menarik. Kebiasaannya penulisan dalam berita lebih bersifat objektif berbanding rencana. Wartawan sering meletakkan diri dalam situasi pihak ketiga. Laporan yang ditulis merupakan fakta dan bukannya pandangan wartawan tentang isu tersebut, misalnya laporan kes mahkamah. Wartawan akan menyenaraikan butir-butir menarik berkaitan kes tersebut berbanding mengutarakan pandangan peribadi sama ada penjenayah itu wajar dihukum ataupun dibebaskan (Md. Salleh, 1984:137).

### **1.3.2.3 Maklumat**

Md. Salleh (1984:137) menyatakan bahawa berita rencana lebih banyak memberikan maklumat berkaitan sesuatu isu disebabkan berita rencana lebih panjang dan bersifat deskriptif. Misalnya berita am memaparkan berita tentang pihak polis menangkap pendatang asing di kawasan setinggan. Maklumat yang dipaparkan agak terhad seperti bilangan tangkapan, waktu tangkapan dibuat, insiden menarik sewaktu tangkapan dibuat dan sebagainya. Sebaliknya, berita rencana boleh melaporkan isu yang sama dan memberikan maklumat yang lebih mendalam. Misalnya wartawan menjelaskan situasi yang berlaku dalam kawasan setinggan yang didiami pendatang asing, masalah yang dicetuskan mereka kepada penduduk kawasan sekitar, sebab-sebab kedatangan mereka ke Malaysia dan sebagainya. Selain itu, wartawan berita rencana juga memasukkan petikan langsung bagi ucapan penduduk di sekitar kawasan setinggan, pihak polis dan pendatang asing sebagai maklumat tambahan kepada pembaca. Petikan yang diperoleh sewaktu temu bual akan menjadikan penceritaan berita lebih menarik di samping memberikan maklumat kepada pembaca.

### **1.3.2.4 Tidak Basi**

Friedlander & Lee (2008:7) dan Md. Salleh (1984:139) memberikan pandangan yang sama bahawa kebiasaannya berita rencana tidak dipengaruhi faktor masa dan boleh diterbitkan pada bila-bila masa. Berbanding dengan berita am, wartawan berita rencana tidak mengejar tarikh akhir. Selain itu, wartawan berita rencana akan menulis sesuatu isu dari pelbagai sudut dan menyimpannya untuk jangka masa panjang. Kebiasaannya, wartawan juga akan meluangkan masa bersama individu berkenaan atau orang-orang di sekelilingnya untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan (Aamidor, 1999:5). Misalnya wartawan berita am sekadar melaporkan berita kejayaan Dato' Nicol David. Wartawan berita rencana pula akan menemu

ramah keluarga, sahabat dan jurulatih beliau untuk mendapatkan berita yang lebih terperinci.

### 1.3.2.5 Hiburan

Rich (1997:22) menyatakan bahawa hiburan merupakan cerita yang menarik minat, menggemirakan atau membolehkan pembaca untuk meluangkan masa lapang. Sayre & King (2003:1) pula memberikan takrifan hiburan berdasarkan makna yang dibawa oleh perkataan hiburan. Hiburan atau padanan bahasa Inggerisnya *entertainment* mempunyai kata akar bahasa Latin iaitu *inter* (antara) dan *tenere* (untuk memegang). Perkataan tersebut membawa maksud ‘memegang atau menangkap perhatian sesuatu’. Justeru, hiburan mestilah sesuatu yang dicipta dengan tujuan tertentu, mempunyai audiens sasaran dan mempunyai ciri-ciri yang menarik.

Hiburan juga boleh terdiri daripada berita tentang selebriti dan mempunyai kualiti minat insani. Oleh itu, ucapan atau komen selebriti yang dianggap menghiburkan pembaca akan ditulis semula dalam bentuk petikan. Ringkasan bagi perbezaan dan persamaan antara berita dan rencana boleh didapati dalam Jadual 1.2 di bawah.

Jadual 1.2: Perbezaan dan Persamaan antara Berita dan Rencana

| <b>Ciri-ciri</b> | <b>Berita</b>   | <b>Rencana</b>  |
|------------------|---|---|
| Jenis            | berita tahan dan berita hangat                          | berita rencana, berita tidak basi, rencana minat insani dan rencana profil peribadi |
| Tujuan           | maklumat  | maklumat, hiburan   |
| Kandungan        | ringkas dan padat                                       | panjang, berunsurkan sastera dan lebih terperinci                                   |
| Bahasa           | laporan   | deskriptif dan kreatif  |
| Tumpuan laporan  | peristiwa   | minat insani  |
| Sifat penulisan  | objektif (wartawan tidak menyatakan pandangan peribadi) | subjektif (wartawan menyatakan pandangan peribadi)                                  |
| Faktor masa      | dipengaruhi faktor masa                                 | tidak dipengaruhi faktor masa   |

Berita rencana yang digunakan sebagai data kajian diperoleh daripada laman web agensi berita BERNAMA. BERNAMA merupakan agensi berita yang bahan beritanya digunakan sebagai data kajian. Justeru, wajar dijelaskan serba sedikit berkaitan agensi berita BERNAMA dan perkaitannya dengan amalan penterjemahan.

#### **1.4 Agensi Berita**

Berita antarabangsa menembusi Malaysia melalui pelbagai cara dan salah satu cara tersebut adalah melalui agensi berita. Mohd Safar (1991:15) menyatakan bahawa agensi berita merupakan agensi yang membekalkan berita kepada sesebuah syarikat akhbar, organisasi, individu dan sebagainya. Agensi berita antarabangsa utama yang membekalkan berita antarabangsa ialah *Reuters* yang juga merupakan agensi berita antarabangsa yang tertua memberi perkhidmatan di Malaysia. Agensi berita antarabangsa yang lain ialah *United Press-International* (UPI), *Associated Press* (AP) dan *Agence France-Presse* (AFP). Agensi ini turut dikenali sebagai agensi terbesar dunia atau 'the Big Four'.

Senario pada masa kini memperlihatkan pergantungan saluran media di Malaysia kepada berita daripada agensi berita antarabangsa. Hal ini disebabkan tidak semua saluran media di Malaysia berkemampuan untuk mendapatkan sendiri berita dari seluruh dunia. Media di Malaysia membeli berita daripada agensi berita AP, AFP, Reuters, UPI dan Agensi-agensi berita lain. Walau bagaimanapun, Malaysia juga mempunyai agensi berita sendiri seperti negara Barat. Pertubuhan Berita Nasional Malaysia atau BERNAMA dilancarkan pada 30 Ogos 1967, iaitu sehari sebelum sambutan 10 tahun kemerdekaan Malaysia. Operasi rasminya hanya bermula pada 20 Mei 1968 (Mohd Safar, 1991:60).

#### **1.4.1 Sejarah BERNAMA**

BERNAMA merupakan akronim kepada Pertubuhan Berita Nasional Malaysia iaitu sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen 1967. Mohd Safar (1991:60-61) menyatakan bahawa pada mulanya, operasi BERNAMA meliputi dua kawasan sahaja iaitu Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Pada tahun 1969, sebuah biro dibuka di Pulau Pinang, Ipoh, Kota Kinabalu dan Kuching. Mulai tahun 1970-an, semua ibu negeri yang lain iaitu Kota Bharu, Kuala Terengganu, Kuantan, Seremban, Johor Bahru, Melaka dan Alor Gajah mempunyai wakil BERNAMA untuk meliputi kejadian di tempat-tempat tertentu. Pada masa kini, pejabat BERNAMA terletak di semua negeri di Malaysia dan turut mempunyai perwakilan di luar negara seperti Singapura, Jakarta, Bangkok, London dan sebagainya.

BERNAMA mula membekalkan berita luar negeri melalui kerjasama dengan agensi berita ANTARA dari Indonesia dan Pertubuhan Agensi Berita Asia (OANA) pada awal tahun 1970-an. Kerjasama pada peringkat awal ini akhirnya menjadi satu rangkaian kerjasama untuk pertukaran berita di antara negara-negara ASEAN. Rangkaian kerjasama ini dikenali sebagai pertukaran Berita ASEAN (ANEX) dan dimulakan pada tahun 1980-an. Tahun berikutnya, kerjasama ini diperluaskan dengan pelancaran *Asia-Pacific News Network* (ANN) di bawah OANA yang kini dikenali sebagai *Organization of Asia-Pacific News Agencies*. Di bawah rangkaian ini, berita daripada sumber agensi kebangsaan disalurkan kepada akhbar melalui agensi-agensi berita kebangsaan (Mohd Safar, 1991:15).

Mohd Safar (1991:16) menyatakan bahawa BERNAMA mula terlibat dalam penyaluran berita antarabangsa mulai 1 Mei 1984 dengan menjadi pengedar tunggal berita antarabangsa. Di bawah peraturan ini, BERNAMA membeli perkhidmatan